

# Matrix Concepts lancar projek di Australia

**PETALING JAYA:** Matrix Concepts melancarkan projek pembangunan terbaharunya di Australia, M333 St Kilda dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak AU\$75 juta (RM230 juta) yang bakal menjadi mercu tanda kediaman moden di Melbourne.

Blok pangsapuri butik ber-tingkat rendah terletak di tengah-tengah St Kilda, gaya pinggir teluk Tribeca yang terkenal dengan pantai dan gaya hidup bohemian.

St Kilda ialah pinggir pantai Melbourne, Victoria, Australia dan terletak enam kilometer tenggara dari Daerah Pusat Perniagaan bandar dan kawasan kerajaan tempatannya ialah Bandar Port Phillip.

Menurut kenyataan, St Kilda merupakan antara lima pinggir bandar terbaik untuk profesional muda dan menjadi tarikan pelancong Melbourne termasuk Luna Park, St Kilda Pier, Teater Palais dan Hotel Esplanade.

"M333 St Kilda terletak secara strategik di sudut Jalan St Kilda dan Jalan Blanche, tanah pegangan bebas seluas 2,543 meter persegi (0.63 ekar) dan hanya mengambil masa 15 minit berjalan kaki untuk ke



**PENGERUSI** Matrix Concepts, Datuk Mohamad Haslah (kanan) dan Pengasas dan Timbalan Pengurus Eksekutif, Datuk Seri Lee Tian Hock (dua kiri) melihat model projek M333 St. Kilda.

pantai dan mempunyai perhentian trem.

"Ia adalah sebuah pangsapuri kediaman lapan tingkat yang terdiri daripada 74 unit dengan ruang runcit tingkat bawah direka khusus untuk kedai runcit dan kafe.

"Keunikan M333 St Kilda dibayangkan untuk persekitaran hidup seimbang zaman

moden terutamanya pada masa pasca pandemik ini di mana trend bekerja dari rumah telah menjadi kebiasaan," kata kenyataan itu.

Keseluruhan reka bentuk dan konsep M333 St Kilda berikutan kerjasama Matrix Concepts dengan RotheLowman, arkitek pemenang anugerah.

Ruang, cahaya semula jadi

dan keluasan serta kehijauan dititikberatkan untuk ke sejahteraan penduduk, dengan adanya pintu kaca gelongsor besar serta tingkap dengan louvers dan taman musim sejuk untuk unit tertentu ditambah dengan kehijauan yang menge lingi bahagian luar bangunan.

Dalam menangani keperluan komuniti semasa untuk ruang kerja khusus untuk panggilan persidangan, mesyuarat dan fungsi persendirian, M333 St Kilda mempunyai pelbagai kawasan komunal seperti ruang kerja bersama di Aras 1 serta ruang makan peribadi dengan dapur yang lengkap di Aras 5.

Dari segi susun atur, terdapat empat jenis unit yang ditawarkan terdiri daripada satu bilik tidur; dua bilik tidur; tiga bilik tidur dan Penthouses (dua unit dengan binaan berbeza) dengan harga permulaan AU\$569,000, dan dilengkapi dengan satu atau dua tempat letak kereta bergantung pada unit.

Binaan seunit terdiri daripada 63.6 meter persegi (684.58 kaki persegi) hingga 195.7 meter persegi (2,106.50 kaki persegi).

Pembinaannya dijangka siap pada suku keempat 2024.